



**SURAT PEMBERITAHUAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BILANGAN: 1/ 2017**

**TAWARAN BIASISWA BAGI MENGIKUTI PROGRAM-PROGRAM  
IJAZAH SARJANA MUDA, SARJANA, DOKTOR FALSAFAH & IKHTISAS  
DALAM DAN LUAR NEGERI SESI PENGAJIAN 2017/2018**

Pemohon-pemohon yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian ke tahap Ijazah Pertama, Sarjana [Master], Doktor Falsafah [Ph.D] dan Ikhtisas di bawah Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi sesi pengajian akademik 2017/2018 adalah dipelawa memohon mengikut syarat-syarat yang disenaraikan untuk dipertimbangkan.

**1. SYARAT-SYARAT UTAMA**

- 1.1 Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- 1.2 Beragama Islam dari kalangan Ahli Sunnah Wal Jemaah mengikut Mazhab Syafie.
- 1.3 Umur pada 1hb September bagi sesi pengajian yang dipohonkan tidak melebihi:
  - 25 tahun - bagi pemohon peringkat Ijazah Pertama; dan
  - 30 tahun - bagi pemohon Ijazah Lanjutan [Sarjana, Doktor Falsafah] atau Ikhtisas
- 1.4 Memperoleh sekurang-kurangnya kepujian (kredit) mata pelajaran Bahasa Melayu dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa [BGCE 'O' Level] atau yang sebanding dengannya.
- 1.5 Memperoleh sekurang-kurangnya pangkat Jayid mata pelajaran Bahasa Arab dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) atau yang diiktiraf sebanding dengannya.
- 1.6 Memperoleh sekurang-kurangnya Kejujian [Credit] dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris sama ada dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa [BGCE 'O' Level] atau yang sebanding dengannya; atau Lulus Kertas Am [General Paper] dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran

1 daripada 8 mukasurat

Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan [BCGCE 'A' Level]; atau yang sebanding dengannya bagi pengajian yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantarnya.

- 1.7 Bagi kursus di tahap Ijazah Pertama dan Ijazah lanjutan hendaklah tersenarai dalam universiti-universiti yang menempati kedudukan 300 teratas mengikut kedudukan QS World University Rankings 2016/2017 atau The Times Higher Education World University Rankings 2016/2017 atau Shanghai Jiaotong University Ranking 2016.

**ATAU**

Sekurang-kurangnya berkedudukan 'Tier 5' dalam senarai SETARA '13 bagi institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia;

**ATAU**

Universiti yang tersenarai dalam kedudukan 10 teratas di negara pengajian yang dipohonkan bagi Republik Arab Mesir, Negara Jordan, Oman dan Morocco mengikut pengiktirafan Kerajaan masing-masing.

**2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN AKADEMIK:**

**2.1 IJAZAH SARJANA MUDA iaitu bagi:**

- Lulusan STPUB / BC GCE 'A' Level dari Sekolah-Sekolah Arab.
- Lulusan Aliran Sains dari Institut Tahfiz Al Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.
- Lulusan Diploma 'Aliyah Al Quran wal Qiraat, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.
- Lulusan Diploma Tahfiz Al-Quran & Qiraat di Darul Quran JAKIM, Malaysia.

**2.1.1 Lulusan STPUB / BC GCE 'A' Level dari Sekolah-Sekolah Arab**

- i - Memperoleh sijil pangkat Mumtaz dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei [STPUB] dalam sekali duduk; atau
- ii - Memperoleh sekurang-kurangnya tiga [3] mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan [BCGCE 'A' level] yang berkaitrapat dengan kursus yang dipohon dalam sekali duduk mengikut gred nilai points yang disenaraikan seperti jadual di bilangan 2.1.5; dan

2 daripada 8 mukasurat

- iii- Memperoleh sekurang-kurangnya markah 60% dalam peperiksaan dalaman sekolah bagi pelajar-pelajar Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah.

**2.1.2 Lulusan Aliran Sains dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah**

- i - Memperoleh sekurang-kurangnya tiga [3] mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan [BCGCE 'A' level] yang berkaitrapat dengan kursus yang dipohon dalam sekali duduk mengikut gred nilai points yang disenaraikan seperti jadual di bilangan 2.1.5; dan
- ii - Memperoleh hafazan lima belas [15] juzuk Al Quran peringkat institut; atau
- iii- Memperoleh sijil pangkat Mumtaz dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei [STPUB] dalam sekali duduk.

**2.1.3 Lulusan Diploma 'Aliyah Al Quran wal Qiraat / STPUB, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah**

- i - Memperoleh sijil pangkat Mumtaz dalam peperiksaan Sijil Diploma 'Aliyah Al-Qiraat kelolaan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dalam sekali duduk; dan
- ii - Memperoleh hafazan tiga puluh [30] juzuk Al-Quran peringkat institut; atau
- iii - Memperoleh sijil pangkat Mumtaz dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei [STPUB] dalam sekali duduk.

**2.1.4 Lulusan Diploma Tahfiz Al-Quran & Qiraat Darul Quran JAKIM, Malaysia**

- i - Memperoleh sijil pangkat Mumtaz dalam peperiksaan Sijil Diploma Tahfiz Al-Quran Dan Qiraat kelolaan Darul Quran, JAKIM Malaysia dalam sekali duduk; dan
- ii - Memperoleh hafazan tiga puluh [30] juzuk Al-Quran peringkat institut.

3 daripada 8 mukasurat

- 2.1.5 Bidang pengajian / kursus yang dipilih hendaklah memenuhi gred minima atau nilai points yang ditetapkan oleh UCAS point seperti berikut:

KATEGORI	BIDANG / JURUSAN	GRED MINIMA			
A	Usuluddin	Mumtaz			
B	Syariah	Mumtaz			
C	Lughah Arabiah	Mumtaz			
D	Double Degree Law [Civil +Syariah]	Mumtaz			
E	Qiraat Quran	Mumtaz			
F	Pergigian / Perubatan / Farmasi	320 Points			
G	Law	300 Points			
H	Ekonomi&Kewangan	300 Points			
I	Sains / Kejuruteraan / Teknologi Maklumat / Seni bina Arkitektur]	300 Points			
J	Sains / Matematik / English / English Literature	300 Points			
K	Food Science / Technology	300 Points			
<b>NILAI GRED UCAS POINTS SEPERTI BERIKUT:</b>					
A*:140	A:120	B:100	C:80	D:60	E:40

- 2.1.6 Mempunyai kelulusan yang diterima oleh pihak Universiti yang dipohonkan dan bersedia mengikut kursus yang ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi memenuhi keperluan perancangan Kementerian dan Negara.

- 2.1.7 Senarai kursus-kursus yang ditawarkan disertakan di Appendix 'A'.

- 2.1.8 Bagi pemohon yang memenuhi syarat-syarat bidang pengajian / kursus Ugama tetapi berhasrat untuk mengikut bidang-bidang lain, juga akan dipertimbangkan mengikut keperluan / perancangan Jabatan / Kementerian.

- 2.1.9 Mengikuti pengajian di institusi pengajian yang tersenarai dalam universiti-universiti yang menempati kedudukan 300 teratas mengikut kedudukan QS World University Rankings 2016/2017 atau The Times Higher Education World University Rankings 2016/2017 atau Shanghai Jiaotong University Ranking 2016.

4 daripada 8 mukasurat